

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kaedah penyelesaian masalah guru yang tidak mahu divaksin. Apakah jaminan Kementerian berkenaan keselamatan kesihatan murid sekolah yang mungkin terdedah kepada guru yang tidak divaksin ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan persekitaran sekolah yang selamat bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka. Dalam hal ini, KPM sentiasa memantau rapi status vaksinasi warga sekolah termasuk guru, anggota kumpulan pelaksana dan pekerja sokongan sekolah.

Guru adalah penjawat awam yang tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu, KPM akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2021 yang disediakan oleh JPA. KPM akan memastikan guru yang enggan divaksin perlu melengkapkan vaksinasi sebelum 1 November 2021 kecuali mereka yang mendapat pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar. Sekiranya guru tersebut masih gagal mematuhi arahan ini, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

## SOALAN NO : 21

Pada masa yang sama, KPM secara berterusan mengadakan konsultasi untuk memastikan semua guru menerima vaksin. KPM turut melaksanakan pelbagai program kesedaran vaksinasi melalui sesi libat urus, serta pendekatan secara berhemah seperti pujukan oleh bahagian, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah. Guru yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan perlu mengemukakan maklumat kesihatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan kepada Ketua Jabatan masing-masing.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, untuk memastikan PdP secara bersemuka dijalankan dalam persekitaran yang selamat, guru yang tidak divaksin tidak dibenarkan berinteraksi dengan murid dalam dan luar bilik darjah. Guru tersebut perlu melaksanakan tugas-tugas PdP yang diarahkan oleh pentadbir sekolah dari semasa ke semasa selaras dengan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0.

KPM yakin pendekatan dan usaha yang berterusan ini dapat mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat sepanjang sesi PdP secara bersemuka.